

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/10/2009

Ahli MCA cukup matang - Tun Mahathir

Um - 20/10/2009

PUTRAJAYA 19 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya ahli MCA cukup matang untuk memutuskan hala tuju parti itu sekiranya satu lagi mesyuarat agung luar biasa (EGM) diadakan dalam masa terdekat.

Beliau yakin mereka mampu mem-

buat pemilihan yang bijak seterusnya menyelesaikan masalah dalaman MCA.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir khawatir sekiranya keputusan kelak sama seperti EGM pertama lalu yang tidak menyelesaikan sebarang masalah yang kini dihadapi oleh MCA.

"Boleh diadakan satu lagi EGM tapi kalau keputusan sama, ia tidak akan menyelesaikan masalah.

"Namun saya percaya ahli-ahli MCA lebih bijak dan akan membuat pemilihan yang baik untuk mereka," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar sempena majlis Wacana Inteltek

Ulung anjuran Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat baru-baru ini menyatakan satu lagi EGM bakal diadakan segera bagi menyelesaikan masalah kebuntuan kepimpinan parti itu.

Ditanya sama ada EGM tersebut wajar diadakan, Dr. Mahathir memberitahu, beliau sepatutnya tidak boleh memberikan komen kerana ia melibatkan soal dalaman MCA.

"Terpulang kepada MCA untuk adakan pemilihan semula, saya mana boleh beritahu," katanya.